

PM puas hati lawatan ke Sarajevo berhasil

RM - 24/6/07

Malaysia, Bosnia sedia pinda dasar tingkat kerjasama ekonomi



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berpuas hati dengan hasil lawatan rasmi dua harinya ke Bosnia Herzegovina yang disifatkan sebagai berjaya, terutama dalam usaha kedua-dua negara meningkatkan kerjasama perdagangan serta ekonomi.

Perdana Menteri berkata, pemimpin Bosnia Herzegovina bersikap positif dan komited melihat kerjasama ekonomi kedua-dua negara lebih aktif, termasuk bersedia meminda mana-mana dasar atau undang-undang serta peraturan yang difikirkan perlu bagi mewujudkan suasana perniagaan yang lebih baik.


Beliau berkata, penyertaan ramai ahli perniagaan Malaysia dan Bosnia Herzegovina pada Forum Perniagaan diadakan sempena kunjungannya itu turut memberi petanda baik dan menggambarkan peningkatan minat sektor swasta kedua-dua negara untuk meneroka kerjasama dalam pelbagai bidang.

"Kita berharap apa diputuskan dapat dilaksanakan kedua-dua pihak," katanya pada sidang akhbar sebelum mengakhiri lawatannya ke sini, petang kelmarin.

Bosnia Herzegovina adalah destinasi kedua dikunjungi Abdullah dalam siri lawatan ke tiga negara. Sebelum itu, Perdana Menteri mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Russia dan hari ini memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Itali.

Abdullah diiringi isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah. Turut serta, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Pada hari pertama lawatannya ke sini Khamis lalu, Abdullah menga-



KERJASAMA PEMBANGUNAN: Abdullah mendengar taklimat Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Bumi Highway Sdn Bhd, Datuk Mohamad Zaini Imran mengenai projek pembangunan bersepadu dibangunkan syarikat itu di Sarajevo, kelmarin. Turut kelihatan, Jeanne (kanan) dan Syed Hamid (dua dari kiri).

dakan pertemuan dengan Pengerusi Majlis Menteri-Menteri Bosnia Herzegovina, Nikola Spiric dan mengetuai delegasi Malaysia pada mesyuarat dengan Lembaga Menteri sebelum menyertai Forum Perniagaan.

Forum itu disertai 250 ahli perniagaan Bosnia Herzegovina serta 59

“Pemimpin Bosnia Herzegovina bersikap positif dan komited melihat kerjasama ekonomi kedua-dua negara lebih aktif”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ahli perniagaan dan 31 pegawai Kerajaan dari Malaysia yang mewakili pelbagai agensi, dewan perniagaan dan beberapa sektor ekonomi termasuk pembuatan, perdagangan serta perkhidmatan.

Perdana Menteri berkata, 147 syarikat Bosnia Herzegovina serta 28 dari Malaysia yang menyertai forum itu turut mengadakan mesyuarat berasingan bagi membincangkan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Beliau yakin lebih banyak kerjasama dapat dimeterai, sekali gus meningkatkan jumlah perdagangan kedua-dua negara yang kini masih rendah, sedangkan hubungan dua hala Malaysia dan Bosnia Herzegovina amat baik.

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara pada masa ini di bawah AS\$2 juta (RM7 juta) dengan eksport Malaysia ke negara ini sebahagian besar membabitkan pro-

duk elektronik dan elektrik, manakala import kebanyakannya perabot dan aluminium.

Abdullah berkata, Bosnia Herzegovina turut berharap Malaysia dapat mengambil bahagian dalam beberapa projek di negara ini termasuk pembinaan rangkaian lebuhraya membabitkan perbelanjaan besar.

"Kita perlu membuat kajian terperinci sebelum membuat keputusan menyertai projek itu," katanya merujuk projek pembinaan lebuhraya bernilai RM14.3 bilion yang menjadi sebahagian daripada rangkaian lebuhraya Corridor Vc Motorway yang menghubungkan Budapest di Hungary dan Ploce di Croatia melalui Sarajevo.

Lebuhraya sepanjang 667 kilometer (km) itu, terbahagi kepada 220km di Hungary, 110km di Croatia dan yang terpanjang di Bosnia Herzegovina, iaitu 312km.